

Terma baru pelajar IPTA akan dirangka

UM 18 JUL 2004

Oleh ZAINU'L AZHAR ASH'ARI dan AMIRUDDIN HARUN

MELAKA 17 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan merangka perjanjian secara lebih jelas dengan pelajar dan pensyarah universiti untuk memastikan kesungguhan mereka dalam memperoleh dan menyampaikannya ilmu selain tidak membazirkan wang rakyat.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu perlu kerana sekarang ini kerajaan sukar untuk mengambil tindakan terhadap pelajar dan pensyarah berikutan terma-terma perjanjian tidak begitu jelas.

Prosedur tindakan pula, kata beliau, kadangkala berdepan dengan halangan yang agak kompleks walaupun golongan itu terbukti tidak menjalankan tanggungjawab seperti yang dikehendaki.

Beliau menegaskan, kerajaan sebenarnya mengalami kerugian besar kerana membiayai pensyarah-pensyarah yang meracuni pemikiran pelajar dengan ideologi politik mereka.

"Kita perlu lebih serius dalam hal ini. Kerajaan memperuntukkan bilion ringgit dalam pendidikan dan kita dapati banyak pembaziran dilakukan terutamanya di kalangan pelajar Melayu yang nampaknya seperti tidak mahu langsung belajar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMC) di Jalan Batu Hampar, Bukit Baru di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengakui terdapat ramai pelajar Melayu yang tekun belajar tetapi kebanyakan daripada mereka pula tidak serius sehingga menyebabkan berlakunya pembaziran masa dan wang kerajaan.

"Mereka ini tidak sepatutnya berada di universiti untuk membuang masa. Sebab itu, kita mahu perjanjian yang lebih menyeluruh dengan mereka," tambah beliau.

Ditanya sama ada kerajaan akan menubuhkan sebuah badan untuk memantau perkara itu, beliau berkata, kerajaan akan melihat kepada keperluan tersebut.

Sebagai contoh, kata beliau, sekiranya pelajar itu menuntut di universiti, kerajaan ingin tahu berapa banyak masanya dihabiskan untuk menghadiri kuliah, pencapaiannya dan juga dari segi disiplin mereka.

"Kita mendapati ada pelajar yang pergi ke dewan kuliah dengan memakai selipar dan disebabkan itu mereka gagal.

"Mereka seolah-olah tidak mahu langsung ke universiti, inilah perkara yang perlu diberi perhatian," kata beliau.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir menjelaskan, perjanjian yang dicadangkan itu akan mempunyai mekanisme yang antara lain membolehkan kerajaan menentukan berapa kerap seseorang mahasiswa menghadiri syarahan dan menilai tahap prestasi mereka dalam peperiksaan.

"Jika mereka gagal memenuhi tahap itu mereka akan diminta meninggalkan universiti kerana kita tidak mampu menanggung mereka," katanya.

Dr. Mahathir juga mengesetengah pensyarah yang tidak begitu berminat dalam mengajar tetapi lebih menumpukan usaha kepada penyebaran pendapat politik mereka.

"Kita tidak mampu membayar kepada mereka semata-mata untuk mereka menyebarkan pendapat politik (antikerajaan) mereka.

"Kita akan mengadakan perjanjian yang sewajarnya dengan mereka dan kita sedang merangka perkara ini," kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada perjanjian ini meliputi semua kakitangan kerajaan, kata beliau, pada masa ini ia hanya diperuntukkan kepada pensyarah universiti sahaja.

Terdahulu dalam ucapannya Dr. Mahathir berkata sesetengah pelajar dan pensyarah tidak bernuas hati dengan kerajaan kerana mereka rasa mereka patut diberikan lebih kebebasan di universiti.

"Mereka boleh mendapat kebebasan mereka di luar universiti," katanya.

Dr. Mahathir berkata kerajaan serius dalam usahanya memberi kemudahan kepada rakyat untuk mendapat pendidikan tinggi.

"Kita sekarang mempunyai lebih daripada 600 institusi swasta dan 14 universiti awam," kata beliau.

Tambah Perdana Menteri, dalam keadaan negara sentiasa menghadapi cabaran, pelajar-pelajar IPTA sama ada suka atau tidak perlu berhadapan dengan cabaran tersebut.

"Bagi menghadapi cabaran tersebut, mereka perlu mendapat pendidikan yang sempurna, jika tidak negara akan hancur," katanya.